



**MOHAMAD HASLAH (kiri) bersama Pengasas dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Datuk Seri Lee Tian Hock membangunkan empayar Matrix Concepts sehingga menjadi salah satu pemaju hartanah berjaya.**

# Matrix Concepts catat jualan RM1.3 bilion

**PETALING JAYA** – Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts) merekodkan jualan hartanah baharu sebanyak RM1.3 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 March 2022 berbanding pencapaian tahun sebelumnya sebanyak RM1.2 bilion.

Pertumbuhan sehingga 11.3 peratus itu telah dipacu oleh permintaan menggalakkan daripada segmen kediaman premium mampu milik bagi projek pembangunan Sendayan.

Pengerusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, daripada jualan tahun kewangan 2022, sebanyak 60 peratus terdiri daripada kediaman berharga di bawah RM500,000.

Menurut beliau, ini dapat dilihat daripada projek pembangunan yang baru dilancar pada Januari lalu iaitu Bayu Sutera 1

dan Tiara Sendayan 11 di bawah projek pembangunan Sendayan.

Ita meliputi lebih daripada 500 projek kediaman bertanah yang mencatat tempahan masing-masing sehingga 95 peratus dan 100 peratus.

"Seiring proses pemulihan ekonomi dan tawaran kadar faedah yang rendah, ia telah membantu menyokong aktiviti pembelian kediaman dalam tempoh terdekat dan juga sederhana. Kami sangat berminat untuk melancarkan projek kediaman dengan tawaran harga yang lebih kurang sama pada masa depan.

"Kami telah menunjukkan daya tahan mengharungi cabaran dalam tempoh pandemik dan kami berada dalam keadaan yang kukuh untuk mencatatkan prestasi positif dalam masa terdekat," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Matrix Concepts

mencatat hasil bagi tahun kewangan 2022 sebanyak RM886.8 juta berbanding RM1.1 bilion bagi tahun kewangan sebelumnya impak daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang menjejaskan kerja-kerja pembinaan.

Keuntungan selepas cukai Kumpulan pada tempoh berkenaan direkodkan sebanyak RM200.7 juta berbanding RM253 juta tempoh yang sama sebelumnya seiring catatan hasil yang rendah dalam tempoh berkenaan.

"Prospek Kumpulan bagi tahun kewangan 2023 kekal memberangsangkan ekoran pembukaan sempadan negara yang mana ia dapat mengurangkan masalah pekerja asing, sekali gus membolehkan kami mempercepatkan projek pembangunan," ujarnya.

Kumpulan juga mencatat jualan belum dibil sehingga 31 Mac 2022 sebanyak RM1.3 bilion.